



SIARAN MEDIA

Penetapan Harga Runcit Petrol RON95 Dan Diesel Berikutan Trend Kenaikan Harga Minyak Dunia

SIARAN MEDIA | 10 FEBRUARI 2021



Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga minyak yang ketara apabila harga sebenar minyak di pasaran global meningkat, **Kerajaan telah bersetuju bahawa had harga siling produk petrol RON95 dan diesel pada masa ini ditetapkan seperti berikut:**

- i. **harga runcit semasa petrol RON95** akan dihadkan pada paras siling **RM2.05 seliter**; dan
- ii. **harga runcit semasa diesel** akan dihadkan pada paras siling **RM2.15 seliter**.

Paras harga siling RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel ini adalah lebih rei.

berbanding had harga yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu pada tahun 2019 iaitu RM2.08 seliter bagi petrol RON95, dan RM2.18 seliter bagi diesel. Kerajaan akan menampung perbezaan harga pasaran sebenar dengan harga runcit yang ditetapkan secara mingguan melalui peruntukan subsidi.

Keputusan ini diambil berdasarkan trend harga pasaran sebenar produk petroleum yang semakin meningkat susulan peningkatan permintaan minyak mentah dunia yang turut dipengaruhi oleh pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi di seluruh dunia. Trend harga minyak global juga dipengaruhi oleh pelan vaksinasi COVID-19 yang mula dilancarkan secara beransur-ansur di seluruh dunia. Malaysia sendiri akan melancarkan Program Imunisasi Kebangsaannya bermula hujung Februari 2021.

Kerajaan tetap komited untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan akan sentiasa memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi mengimbangi tanggungan subsidi Kerajaan dengan keperluan untuk terus memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

10 Februari 2021

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

HARGA MINYAK

PRICE OF PETROLEUM